

1. Rambut Mageswari yang _____ itu disanggul rapi supaya kelihatan kemas dan n k.

- ☐ A lebat
- ☐ B kontot
- ☐ C matang
- ☐ D pendek

2. Warna pada baju itu semakin _____ walaupun abang baru sahaja membeli baju tersebut minggu lepas.

- ☐ A suram
- ☐ B samar
- ☐ C kabur
- ☐ D luntur

3. Pak Abu digeruni oleh anak-anak kecil di kampungnya kerana dia berwajah agak _____ dan jarang-jarang bergaul dengan orang lain.

- ☐ A kasar
- ☐ B bengis
- ☐ C angkuh
- ☐ D tampan

4. Ayah sering membawa kami berkelah di tepi laut yang _____ pemandangannya itu.

- ☐ A baik
- ☐ B indah
- ☐ C anggun
- ☐ D menawan

5. Suara peserta pertandingan nyanyian itu sungguh _____ sehingga memikat hati para juri dan penonton.

- ☐ A sumbang
- ☐ B sengau
- ☐ C lantang
- ☐ D merdu

6. Ahmad berasa _____ apabila diberitahu bahawa datuknya baru sahaja meninggal dunia sebentar tadi.

- ☐ A bimbang
- ☐ B dukacita
- ☐ C kecewa
- ☐ D gelisah

7. Ayah Nabeel menghantarnya ke kelas tuisyen bahasa Melayu kerana dia amat _____ dalam mata pelajaran tersebut.

- ☐ A lemah
- ☐ B lemau
- ☐ C lembik
- ☐ D lembut

8. Pengalaman _____ yang pernah dialami oleh Zulhimi banyak mengajarnya tentang _____ kehidupan serta mendorongnya untuk menggapai kejayaan.

- ☐ A pahit
- ☐ B kelam
- ☐ C payau
- ☐ D masam

9. Peserta-peserta yang bertanding dalam pertandingan ratu muslimah itu memakai pakaian yang _____.

- ☐ A baik
- ☐ B segak
- ☐ C sopan
- ☐ D cermat

10. Angin yang _____ itu telah meranapkan beberapa buah rumah kayu di tepi pantai.

- ☐ A tebal
- ☐ B lebat
- ☐ C deras
- ☐ D kencang

11. Encik Karim tidak makan makanan _____ dan air berkarbonat kerana dia menghidap penyakit kencing manis yang kronik.

- ☐ A pahit
- ☐ B kelat
- ☐ C manis
- ☐ D masam

12. Para pemandu dinasihatkan supaya berhati-hati ketika melalui kawasan bukit yang _____ itu.

- ☐ A curam
- ☐ B landai
- ☐ C kesat
- ☐ D licin

13. Semangatnya yang _____ membuatnya dia _____ menempuh pelbagai ujian ketika berada di rantau orang.

- ☐ A jelas ... damai
- ☐ B keras ... sabar
- ☐ C kental ... tabah
- ☐ D tahan ... tenang

14. Emak melarang kami pergi ke kawasan itu kerana di situ banyak anjing _____.

- ☐ A bengis
- ☐ B kejam
- ☐ C baik
- ☐ D liar

15. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Barisan lelaki kontinjen Malaysia yang terlibat dalam perbarisan sempena upacara majlis pembukaan Sukan Olimpik 2020 kelihatan _____ apabila mengenakan persalinan bagaikan pahlawan zaman dahulukala.

- ☐ A ayu
- ☐ B indah
- ☐ C segak
- ☐ D comel

16. Rambut Malaika semakin _____ kerana dia mengalami masalah keguguran rambut.

- ☐ A nipis
- ☐ B kecil
- ☐ C kerdil
- ☐ D renek

17. Kami berasa sangat _____ kerana Cikgu Sarimah yang baik hati itu akan ditukarkan ke sekolah lain.

- ☐ A pahit
- ☐ B sedih
- ☐ C marah
- ☐ D gembira

18. Kami dapat melihat ikan-ikan berenang di dalam air sungai yang _____ itu.

- ☐ A kotor
- ☐ B putih
- ☐ C keruh
- ☐ D jernih

19. Sejak mengamalkan pemakanan yang seimbang dan rajin bersenam, badan Irdina yang dahulunya berisi kembali _____.

- ☐ A kecil
- ☐ B surut
- ☐ C langsing
- ☐ D cengkung

20. Juadah berbuka puasa yang disediakan oleh emak sangat _____.

- ☐ A lembut
- ☐ B indah
- ☐ C aneh
- ☐ D lazat